

21/06/1999

Pak Lah ikrar terus sokong Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad - Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berikrar akan terus membantu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terutama bagi memastikan Barisan Nasional (BN) meneruskan kecemerlangannya pada pilihan raya akan datang.

"Saya ingin melahirkan hasrat saya kepada Presiden (Umno) bahawa saya dengan rendah diri tetapi bersungguh-sungguh, sedia menerima arahan untuk menjalankan apa juga tugas membantu Datuk Seri bagi pilihan raya akan datang.

"Di Sabah, mungkin saya diuji dalam suasana orang kata kita tidak boleh menang dan saya tidak mempunyai penyokong.

"Tetapi apa yang saya tahu, saya sayang pada Umno dan tidak rela Umno gagal dan BN gagal, maka sebab itu saya bekerja bersungguh-sungguh untuk kemenangan kita semua," katanya ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno di PWTC, semalam.

Justeru, beliau yang menjalankan tugas-tugas timbalan presiden itu mendesak semua ahli Umno melancarkan jentera parti bagi menghadapi pilihan raya tidak lama lagi.

"Sekarang tiba masanya kita bekerja dan bergerak. Agenda pertama dan sangat penting sudah semestinya memastikan kemenangan dalam pilihan raya akan datang ... bukan kemenangan kecil tetapi besar dengan dua pertiga majoritinya," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau percaya rakyat sebenarnya mengakui keupayaan BN untuk terus memajukan negara, di samping menjaga keselamatan dan keamanan.

"Kita mempunyai kewibawaan yang baik untuk menghadapi rakyat kali ini iaitu apabila pilihan raya diadakan kita mempunyai prestasi yang baik bagi memajukan negara ini kerana tidak sampai setengah abad Malaysia telah berjaya dan masyhur di dunia.

"Kita juga telah dapat memastikan institusi demokrasi negara ini bersedia mengadakan pilihan raya untuk memberi kesempatan kepada rakyat menentukan parti yang layak menubuhkan kerajaan," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan tidak bimbang dan gentar untuk meletakkan nasib BN di tangan rakyat kerana rakyat sudah pasti mahukan parti dan kerajaan yang tegas serta berani bagi memastikan negara ini terus maju.

"Ini tentu sekali berada dalam fikiran rakyat. Saya percaya apabila tiba masanya mereka menghadap peti undi, mereka akan tanya apa yang mereka mahu untuk anak cucu mereka.

"Mereka sudah tentu mahu negara ini aman dan selamat, kemajuan terus meningkat, anak-anak mereka mendapat peluang pelajaran dan mendapat rezeki, serta menikmati kemajuan dan kemakmuran yang dikecapi sekarang.

"Kalau inilah yang mereka lihat dan bandingkan dengan parti-parti lain, maka saya yakin dengan wibawa yang ada pada kita, kemampuan dan keupayaan serta kegigihan kita dalam pemerintahan akan akhirnya mendapat keyakinan mereka dan memberi undi kepada kita," katanya.

(END)